

Rakyat tidak prejudis terhadap UEC

KUALA LUMPUR 17 Julai

- Kenyataan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik mengenai isu Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) yang banyak dipengaruhi dengan nilai-nilai prejudis adalah tidak benar kerana pengiktirafan tersebut sebenarnya melibatkan soal penerimaan sistem pendidikan negara.

Ketua Kluster Etnisiti dan Pekerjaan di Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia, **Prof. Dr. Mansor Mohd. Noor** berkata, gerakan pengiktirafan UEC seolah-olah menunjukkan bahawa pihak pengendali sekolah menengah persendirian Cina enggan mengikut sistem pendidikan sedia ada.

Katanya, keengganan mereka akan menimbulkan rasa tidak puas hati pelbagai pihak kerana berupaya masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tanpa perlu melalui sistem pendidikan negara.

“Masyarakat kita tidak bersikap prejudis, sebaliknya persoalan perlu dibangkitkan mengapa perlu UEC diiktiraf jika sekelompok pertubuhan sekolah-sekolah persendirian Cina tidak mahu mengikut sistem pendidikan negara, ini tidak adil bagi pelajar sekolah lain.

“Mereka pelajari ilmu dengan sistem pendidikan yang sangat berbeza dengan sistem pendidikan negara. Buku-buku mereka tidak mengetengahkan bahasa dan budaya Malaysia tetapi mahu UEC diiktiraf untuk ke universiti awam, ini seolah-olah menggunakan jalan belakang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.